



Kementerian Sumber
Asli dan Alam Sekitar



Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia

ماجوتن


Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

Edisi September-Disember 2014 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-34 TAHUN 2014



PERSIDANGAN
KEBANGSAAN
PENILAIAN
EKONOMI SUMBER
HUTAN 2014

SEMINAR EKSPEDISI
SAINTIFIK
KEPELBAGAIAN
FLORA HUTAN PAYA
LAUT MERBOK,
KEDAH DARUL
AMAN

PAMERAN BULUH
SEMPENA WORLD
BAMBOO DAY

PAMERAN HARI
PELADANG,
PENTERNAK
DAN NELAYAN
PERINGKAT NEGERI
KEDAH TAHUN 2014

LAWATAN KE
PERPUSTAKAAN
NEGARA
SEMPENA
MESYUARAT
JAWATANKUASA
PERPUSTAKAAN

Sidang Redaksi

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGURUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah Binti Abdul Karim
Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUSAUSA MAJUTAN

PENGARANG Othman Bin Deris

PENOLONG PENGARANG 1
Asiah Binti Yaacob

PENOLONG PENGARANG 2
Iqtie Qamar Laila Binti Mohd Gani

KONSEP DAN REKA BENTUK
Muhammad Umar Bin Abdullah

URUSAN PERCETAKAN & EDARAN
Kamal Kusyairi Bin Abd Ghani

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR
Nurazuwah Binti Omar

KEDAH
Siti Sarah Binti Shaharuddin

KELANTAN
Suryani Binti Mohd Nordin

MELAKA
Noor Syuhada Binti Abdul samad

NEGERI SEMBILAN
Siti Norhayati Binti Mohamad Mastar

PAHANG
Melati Binti Yusof

PERAK
Nur' Ain Binti Chek Mustafa

PERLIS
Ahmad Fikri Bin Mistar

PULAU PINANG
Mis Maizura Binti Amat Kaulan

SELANGOR
Noor Ain Binti Abdul Karim

TERENGGANU
Zuraida Binti Zakaria

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Rusli Bin Tahir

WAKIL BAHAGIAN/UNIT IBU PEJABAT PERHUTANAN

PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN
Noorshathiroh Binti Saidin

PENGURUSAN HUTAN
Rosaizan Haryani Binti Rosli

SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BILOGI HUTAN
Nur Afzan Binti Anuar

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN
Khairunnisa Binti M. Mamat

HAL EHWAL ANTARABANGSA
Harry Yong

LATIHAN PERHUTANAN
Durrutul Ain Binti Ahmad Zainudin

PENGUATKUSAAN HUTAN
Ahmad Bahtiar Bin Bakeri

KEJURUTERAAN HUTAN
Aminuddin Bin Suhaimi

KHIDMAT PENGURUSAN
Ruhasmizan Binti Mat Zain

PENGURUSAN MAKLUMAT
Noorazila Binti Yatim

TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU
Zulazfar Husaini Bin Abdullah Sani

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN
Mohd Zulhilmi Bin Mohd Radzi

FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI
Hj. Helmy Tariq Bin Othman

KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
Mahfuzah Binti Badian

SETIAUSAHA PUSPANITA
Siti Raihana Binti Ramli

JURUFOTO
Hairul Bin Abdul Hamid

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalu-alukan sebarang bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen daripada seluruh warga Perhutanan.

SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT EMEL :
asiah@forestry.gov.my / iqlaila@forestry.gov.my

Dari Meja Ketua Pengarang



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Rasulullah S.A.W.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1Malaysia, Salam 1NRE
dan Salam 1JPSM.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memanjaratkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah berjaya menerbitkan Buletin MAJUTAN Edisi September-Disember 2014.

Keluaran Buletin MAJUTAN kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Diharapkan paparan berita dan artikel yang berinformasi ini dapat memberi maklumat kepada semua warga Jabatan, terutamanya aktiviti-aktiviti perhutanan yang telah berlangsung.

Justeru itu, pihak sidang redaksi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan laporan dan artikel bermanfaat ini dan diharap agar warga Jabatan akan terus menyokong dengan memberi sumbangan artikel dan informasi untuk Buletin MAJUTAN edisi-edisi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Isi Kandungan

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENILAIAN EKONOMI SUMBER HUTAN 2014.....	1
PROGRAM KEMBARA BERSAMA MEDIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.....	2
PAMERAN EKSPLO TANI KELANTAN 2014.....	2
SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN FLORA HUTAN PAYA LAUT MERBOK, KEDAH DARUL AMAN.....	3
AUDIT PEMANTAUAN PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT <i>(INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS))</i>	4
PAMERAN BULUH SEMPENA <i>WORLD BAMBOO DAY</i>	4
KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2008 DAN STANDARD MC&I (HUTAN ASLI) KEPADA RENJER HUTAN.....	5
PROGRAM PENANAMAN POKOK RHU PANTAI BERSAMA-SAMA PIHAK MNS SEMPENA <i>PROGRAM PADDLE FOR NATURE CONSERVATION & AWARENESS</i>	6
BENGKEL KHAS PENETAPAN KAEDAH PENGELUARAN HASIL LATEKS DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI KELANTAN.....	6
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013 DAN PENGHARGAAN KEPADA PESARA JPN PAHANG.....	7
PAMERAN POKOK/TUMBUHAN HUTAN SEMPENA KEM KESIHATAN DAN HARI KANTIN SEKOLAH MENENGAH TAMAN SELASIH.....	8
PAMERAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2014.....	8
PELANCARAN KEMENGPAN TANPA HADIAH.....	9
MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI.....	10
SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA TAHUN 2014.....	11
BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI PEJABAT.....	11
BENGKEL PEMAHAMAN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984.....	12
AUDIT MC&I (HUTAN ASLI) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.....	12
LAWATAN KE PERPUSTAKAAN NEGARA SEMPENA MESYUARAT JAWATANKUSAUSA PERPUSTAKAAN BILANGAN 2 TAHUN 2014.....	13
KEJOHANAN BOWLING TERTUTUP IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2014.....	14
MESYUARAT JAWATANKUSAUSA TEKNIKAL PROJEK KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) DAN AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM) BIL. 2/2014.....	15
KURSUS PEMANTAPAN URUSAN SUMBER MANUSIA (PENGURUSAN KERTAS PERSARAAN) DI ANTARA IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (IPJPSM) DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI (JPN).....	16
BENGKEL ETIKET, PROTOKOL DAN PENGURUSAN ACARA UNTUK JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA.....	16
<i>PERAK CONFERENCE ON A CENTURY OF MATANG MANGROVE FOREST MANAGEMENT: THE HARNESSING TRANSFORMATION IDEAS</i>	17
KURSUS TATACARA DAN ETIKA PENGGUNAAN E-MEL.....	19
KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS DAN <i>CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)</i>	19
PROGRAM SAYANGI ALAM SEKITAR ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR DENGAN KERJASAMA PUSPANITA NEGERI SELANGOR, KOPERASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR DAN DOLOMITE CORPORATION SDN. BHD.....	20
KUNJUNGAN HORMAT PENOLONG PEMELIHARA HUTAN, PEJABAT HUTAN LANGKAWI BERSAMA KETUA EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA).....	21
PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-34 TAHUN 2014.....	21
LATIHAN KEMAHIRAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG.....	22
BENGKEL PENGGUBALAN SOALAN PEPERIKSAAN JPSM 2014.....	22
PROGRAM KEMENGPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DI PESISIRAN PANTAI NEGARA TAHUN 2014 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG BERSAMA PUSPANITA JPN PULAU PINANG DAN PESERTA KEM PATRIOTIK DEMI NEGARA JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL DAERAH SEBERANG PRAI TENGAH (SPT).....	23
MAJLIS SAMBUTAN HARI ANTI-RASUAH ANTARABANGSA PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA.....	24
PROGRAM PENANAMAN BAKAU BERSAMA KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH DAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH SERTA KELUARGA.....	25



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENILAIAN EKONOMI SUMBER HUTAN 2014



PUTRAJAYA, 2 September 2014

- Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Persidangan Kebangsaan Penilaian Ekonomi Sumber Hutan 2014 pada 2-5 September 2014 bertempat di Hotel The Everly Putrajaya. Persidangan ini diadakan bertujuan untuk menterjemahkan barang dan perkhidmatan sumber hutan yang berpasaran dan bukan pasaran dalam bentuk nilai ekonomi agar nilai keseluruhan hutan (*total economic valuation*) hutan dapat ditentukan dan mengenal pasti kaedah-kaedah pengiraan penilaian ekonomi barang dan perkhidmatan sumber hutan ke arah penentuan kos dan faedah (*cost benefit analysis*)

sesuatu projek perhutanan. Selain itu ianya juga dapat menyediakan platform kepada jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta, institusi penyelidikan, pusat pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGOs) untuk berkongsi maklumat mengenai penilaian ekonomi sumber hutan serta mengenal pasti dasar dan strategi bagi mengarusperdanakan penilaian sumber hutan dalam perancangan dan pembangunan sumber tanah negara. Tema persidangan ini adalah **“Penjanaan Kekayaan Baru Barang dan Perkhidmatan Hutan; Ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi”**.

Persidangan yang berlangsung selama

3 hari ini telah melibatkan seramai 19 orang pembentang kertas kerja dari pelbagai Jabatan dan Agensi. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dan seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah hadir dengan jayanya.

Disediakan oleh:
Siti Raihana Binti Ramli & Suhaida Binti Mohamed

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

PROGRAM KEMBARA BERSAMA MEDIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Disediakan oleh:
Zuraida Binti Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 3 September 2014 - Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menganjurkan Program Kembara Bersama Media Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Siri 3, 4, & 5 Tahun 2014 bertempat di Hutan Lipur Chemerong, Dungun Terengganu. Program ini bertujuan mengeratkan lagi hubungan baik di antara media massa dengan NRE serta Jabatan / Agensi. Di samping itu, program ini diharap dapat membantu mempromosikan aktiviti dan program Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan / Agensi di bawahnya.



PAMERAN EKspo TANI KELANTAN 2014

Disediakan oleh:
Suryani Binti Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



KOTA BHARU, 3-7 September 2014 - Pameran Ekspo Tani Kelantan 2014 telah diadakan pada 3 hingga 7 September 2014 bertempat di Dewan Jubli Perak MPKB. Sebanyak 33 agensi yang telah menyertai Pameran Ekspo Tani 2014. Tema bagi Ekspotani Kelantan 2014 ialah "**Bertani Satu Ibadah – Cakna Pertanian, Rakyat Sejahtera**". Majlis perasmian Ekspo Tani Kelantan 2014 telah dirasmikan oleh YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Bin Yakob pada 4 September 2014. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menyertai pameran iaitu memperkenalkan buah-buahan nadir. Sebanyak 30 jenis buah nadir yang telah dipamerkan di gerai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan seperti Nipah, Buah Keriat, Buah Kabong, Buah Belimbing dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perhutanan telah mendapat tempat kedua bagi kategori gerai pameran terbaik. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pameran tersebut.



- Pegawai dan kakitangan Jabatan sedang menyediakan persiapan ruang pameran



SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN FLORA HUTAN PAYA LAUT MERBOK, KEDAH DARUL AMAN

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



- Jenis-Jenis Buah Nadir



- Pengunjung yang melawat pameran Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



ALOR SETAR, 22-23 September 2014 - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan kerjasama *Malaysian Nature Society (MNS)* telah menganjurkan satu Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Flora Hutan Paya Laut Merbok, Kedah pada 22-23 September 2014 di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Seminar selama 2 hari tersebut telah membentangkan hasil kajian-kajian yang telah dijalankan pada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Flora Hutan Paya Laut, Merbok, Kedah pada 18 hingga 23 Ogos 2013 yang lepas.

Objektif seminar ini dijalankan adalah untuk membentangkan dan membincangkan segala penemuan daripada ekspedisi saintifik di Hutan Paya Laut Merbok yang lepas, untuk memberi serta berkongsi pandangan di antara penyelidik, saintis, kakitangan awam, pihak swasta dan individu berkaitan dalam pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan serta untuk mendokumentasikan hasil penemuan yang diperolehi daripada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Flora Hutan Paya Laut, Merbok, Kedah sebagai bahan rujukan.

Seminar ini melibatkan peserta daripada pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), agensi kerajaan, badan berkanun dan juga swasta yang terdiri daripada para saintis, penyelidik dan pegawai serta kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri yang melibatkan seramai 150 orang peserta. Sebanyak 11 kertas kerja dalam pelbagai bidang kajian yang merangkumi bidang pengurusan hutan, kepelbagaian biologi flora dan ekosistem serta persekitaran fizikal telah dibentangkan pada seminar kali ini.

Seminar ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Dato' Seri Hj. Mukhriz Bin Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman untuk merasmikan seminar yang telah diadakan Majlis Perasmian pada malam 22 September 2014. YAB Dato' Seri sempat meluangkan masa untuk melihat sudut pameran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah serta menandatangani buku pelawat Jabatan.

AUDIT PEMANTAUAN PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS))

Disediakan oleh:

Muhammad Hanafi Bin Mohd Bakri
Bahagian Pengurusan Maklumat, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 25 September 2014 - Audit Pemantauan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)) telah diadakan pada 25 dan 26 September 2014. Hasil daripada penemuan audit mendapati keberkesaan sistem audit dalaman, keberkesaan kajian semula pengurusan, kawalan keselamatan maklumat dan peningkatan berterusan adalah mematuhi standard. Terdapat 4 peluang penambahbaikan (OFI) ditemui pada audit ini. Komitmen terhadap pelaksanaan ISMS pada amnya adalah baik dan berterusan. Kefahaman dan pelaksanaan dapat dilihat melalui rekod-rekod yang disemak serta kesungguhan anggota kerja di semua peringkat. Secara keseluruhan perlaksanaan ISMS adalah memenuhi keperluan standard. Pihak organisasi perlu memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil atas peluang penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan. JPSM telah disyorkan untuk diteruskan pensijilan dengan pindaan.



Penyerahan Laporan audit kepada TKP (OT) selaku CIO di JPSM oleh Encik Mohammad Hamidi Bin Yusop, Juruaudit bebas SIRIM semasa Mesyuarat Penutup Audit Pemantauan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS))

PAMERAN BULUH SEMPENA **WORLD BAMBOO DAY**



ALOR SETAR, 29 SEPTEMBER 2014

- Hari Buluh Sedunia adalah sambutan yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran buluh di peringkat global. Buluh yang umumnya telah tumbuh secara semulajadi, telah menjadi elemen setiap hari, namun penggunaannya tidak selalunya berkekalan kerana eksloitasi. Pertubuhan Buluh Dunia bertujuan untuk membawa potensi buluh kepada pendedahan yang lebih tinggi iaitu untuk melindungi sumber asli dan alam sekitar, untuk memastikan penggunaan yang berterusan, untuk menggalakkan penanaman baru buluh untuk industri-industri baru di kawasan-kawasan di seluruh dunia, dan juga menggalakkan tradisi menggunakan produk tempatan untuk pembangunan ekonomi masyarakat.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah turut menyertai Pameran Buluh sempena *World Bamboo Day* (Hari Buluh Sedunia) pada 29 hingga 30 September 2014 di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Berkonsepkan buluh dan produk buluh, setiap booth pameran agensi-agensi dibina menggunakan pelbagai spesies buluh.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga tidak ketinggalan mempamerkan pelbagai spesies buluh terutamanya spesies yang terdapat di Malaysia. Antara spesies yang dipamerkan adalah buluh betong, buluh beting, buluh semeliang, buluh kuning serta buluh madu. Di samping itu pelbagai barang kraftangan yang dihasilkan oleh Orang Asli turut dipamerkan.

Disediakan oleh: **Siti Sarah binti Shaharuddin**
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Tetamu Kehormat di Majlis Perasmian *World Bamboo Day*, YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah sempat meluangkan masa untuk melawat booth Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi mengenali lebih dekat lagi antara spesies-spesies buluh yang terdapat di Malaysia umumnya.

Pameran tersebut juga disertai oleh agensi-agensi lain antaranya seperti Jabatan Pertanian, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, *Global Innovation & Entrepreneurship Foundation (GIEF)*, UNIMAP serta syarikat swasta.



KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2008 DAN STANDARD MC&I (HUTAN ASLI) KEPADA RENJER HUTAN

Sesi bergambar bersama peserta dan urus setia kursus.

Disediakan oleh: **Kamal Kusyairi Bin Abd Ghani**
Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan, IPJPSM

IPOH, 1 Oktober 2014 – Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan B(PE), IPJPSM telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008 dan Standard MC&I (Hutan Asli) Kepada Renjer Hutan bertempat di Hotel Syuen, Ipoh, Perak. Kursus ini telah dihadiri seramai 36 orang peserta terdiri daripada Renjer Hutan Gred G17 hingga G26. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Othman Bin Deris, Ketua Seksyen Pensijilan Hutan dan Encik Yussainy Bin Yusop, Penolong Pengarah Khidmat Perunding & Jaminan Kualiti I. Kursus ini diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 1 Oktober 2014 dan berakhir 3 Oktober 2014.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan amalan pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat JPN dan Pejabat Renjer secara khususnya. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memastikan kelemahan-kelemahan yang masih ada diatasi sepenuhnya bagi memastikan jabatan berjaya menghampiri pencapaian Zero CARs dalam pensijilan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia. Dalam taklimat ini juga sesi perbincangan terbuka bersama Penceramah dan Fasilitator diadakan bagi mengenal pasti punca kelemahan dan kekuatan dalam memantapkan pelaksanaan MC&I di semua Jabatan Perhutanan Negeri. Selain pembelajaran secara teori dalam kelas diadakan juga secara amali lapangan.



Encik Othman Bin Deris dan Encik Hamidi Bin Abdul Halim menyampaikan ceramah bertajuk Pemahaman terhadap standard MC&I (Hutan Asli).



Encik Muhammad Umar bin Abdullah sedang memberi penerangan kepada para peserta kursus.

PROGRAM PENANAMAN POKOK RHU PANTAI BERSAMA-SAMA PIHAK MNS SEMPENA PROGRAM **PADDLE FOR NATURE- CONSERVATION & AWARENESS**

Disediakan oleh: Norulhuda Binti Ali
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Gambar bersama kakitangan JPNP, Kelab Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan wakil Google Malaysia.



Penyampaian cenderahati oleh Encik Hari a/l Raju (wakil MNS) kepada wakil JPNP.

SUNGAI ULAR, KUANTAN, 2 Oktober 2014 – Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menganjurkan program menanam pokok, melibatkan 30 orang terdiri daripada kakitangan JPNP, Kelab Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan wakil Google Malaysia.

Sebanyak 130 pokok rhu pantai (*Casuarina equisetifolia*) telah berjaya ditanam sempena program tersebut. Program tersebut juga diadakan sempena menyambut ketibaan Encik Hari Raju di pantai Kampung Sungai Ular Kuantan dalam

usaha beliau untuk berkayak secara solo dari Tumpat, Kelantan hingga ke Pulau Langkawi, Kedah.

Program ini adalah salah satu usaha untuk mengumpul maklumat yang akan digunakan sebagai bahan untuk kempen kesedaran dalam usaha untuk melindungi dan memelihara pesisiran pantai negara selaras dengan program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak JPSM dan JPNP. Program yang bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang.



Ahli MNS dan wakil daripada Google Malaysia turut serta dalam program penanaman pokok rhu pantai.



Encik Hari a/l Raju meneruskan acara berkayak secara solo ke destinasi seterusnya.

BENGKEL KHAS PENETAPAN KAEDAH PENGELUARAN HASIL LATEKS DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Salwana Yasin
Pen. Peg. Ladang Hutan & Perlindungan Hutan
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 9 Oktober 2014 - Bengkel Khas Penetapan Kaedah Pengeluaran Hasil Lateks Dalam Hutan Simpanan Kekal Di Negeri Kelantan telah diadakan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu. Seramai 40 peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pelbagai agensi iaitu Jabatan



▲ Ucapan Perasmian Oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan.

Perhutanan Negeri Johor, Selangor, Pahang dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu juga agensi yang turut terlibat adalah RISDA, FELDA, LGM, FELCRA, MTIB, MARDEC dan wakil Persatuan Perladangan Hutan Negeri Kelantan. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menetapkan kadar royalti yang relevan iaitu tidak membebankan pengusaha dan juga tidak merugikan serta tidak berlaku ketirisan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selain itu juga, mekanisme yang dipersetujui tidak membebankan pengusaha dan juga tidak menyukarkan pemantauan dan penguatkuasaan kepada Jabatan Perhutanan.



▲ Sesi Perbincangan.

▲ Peserta Bengkel yang terlibat.



▲ YBhg. Dato' Haji Mohd Paiz Bin Kamaruzaman menyampaikan anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik (PTT) kepada En. Mohd. Hafiz Bin Samsudin Pegawai Hutan Daerah Temerloh.

◀ Ucapan Aluan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Paiz Bin Kamaruzaman, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013 DAN PENGHARGAAN KEPADA PESARA JPN PAHANG

Disediakan oleh: Sharifah Amira Binti Salim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 14 Oktober 2014 - Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan Penghargaan Kepada Pesara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah berlangsung dengan jayanya pada 14 Oktober 2014 bertempat di Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Toantawee bin Mohd Lotfie, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan).



▲ YBhg. Dato' Toantawee bin Hj. Mohd Lotfie, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan) menyampaikan anugerah kepada kakitangan jabatan.



Sesi bergambar penerima APC bersama-sama YBhg. Dato' Toantawee bin Hj. Mohd Lotfie dan YBhg. Dato' Haji Mohd Paiz bin Kamaruzaman.

Seramai 108 orang kakitangan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan majlis turut meraikan 40 orang pesara serta 8 orang kakitangan yang telah mencapai 30 tahun perkhidmatan. Turut dikenang pada majlis tersebut ialah 8 orang kakitangan jabatan yang telah meninggal dunia sepanjang tahun 2014. Seperti tahun sebelumnya, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah menghargai usaha dan prestasi kakitangannya dengan menganugerahkan dua Anugerah Pengarah Perhutanan Negeri Pahang yang diterima oleh Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera bagi kategori Pusat Tanggungjawab Terbaik dan Unit Pengurusan Hutan bagi kategori Bahagian Dalam Pembangunan Terbaik. Manakala Anugerah Khas Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah dimiliki oleh Unit Biji Benih dan Tanaman sebagai menghargai kakitangannya yang berkemahiran dan turut diiktiraf oleh agensi lain.



▲ Persembahan koir Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

PAMERAN POKOK/ TUMBUHAN HUTAN SEMPENA KEM KESIHATAN DAN HARI KANTIN SEKOLAH MENENGAH TAMAN SELASIH

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

KULIM, 18 OKTOBER 2014 – Panel Penasihat Kesihatan, Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim bekerjasama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selasih, Kulim telah menjemput Jabatan Perhutanan Negeri Kedah untuk mengadakan pameran berkaitan dengan pokok/tumbuhan hutan.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah tidak ketinggalan memperkenan pelbagai spesies pokok hutan seperti Meranti Tembaga, Meranti Sarang Punai, Merawan Siput Jantan, Tongkat Ali, Karas, Kapur, Nyatoh dan lain-lain spesies. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan dikalangan pelajar khususnya.

Pelbagai aktiviti telah diaturkan oleh pihak Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim secara percuma antaranya Pemeriksaan Kesihatan, Katarak Mata, Pap Smear, Mamogram, Pemeriksaan Gigi dan Kempen Kesedaran Ikrar Pendermaan Organ untuk pelajar dan waris yang berkunjung ke sekolah tersebut.

Pameran tersebut juga disertai oleh agensi-agensi lain antaranya seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Unit Kawalan Wabak Penyakit (Denggi) dan Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).



PAMERAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2014

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



ALOR SETAR, 21 – 25 OKTOBER 2014 – Pameran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah Tahun 2014 telah diadakan bertempat di Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Program tersebut berlangsung mulai jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Hj. Mukhriz Bin Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah. Perasmian bermula pada pukul 10 pagi pada 21 Oktober 2014. Lawatan Diraja

telah diadakan pada hari ketiga pameran dijalankan iaitu pada 23 Oktober 2014. Dalam masa yang sama, pelbagai aktiviti telah diadakan iaitu mengedar risalah- risalah hutan lipur serta penerangan berkenaan fungsi dan unit-unit dalam Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Pameran ini dijalankan bertujuan untuk mendedahkan semua pengunjung betapa pentingnya peladang, penternak dan nelayan kepada kestabilan ekonomi sesebuah negeri.



PELANCARAN KEMPEN TANPA HADIAH

Disediakan oleh: Nurahim bin Abd. Rahim
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM



▲ Majlis Pelancaran Kempen Tanpa Hadiah telah dilancarkan oleh YBhg Dato' Sri Zonal Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Turut hadir dalam majlis pelancaran ini, YBhg Datuk Sri Mohd Sukri Bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2014 (Khamis) Bersamaan

6 Muharam 1436 Hijrah – Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah melancarkan Kempen Tanpa Hadiah. Kempen Tanpa Hadiah ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Zonal Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sebagai wakil rasmi kepada YB Datuk Seri G.Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Turut hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Datuk Sri Mohd Sukri Bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama YBhg. Dato Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Kempen Tanpa Hadiah ini merupakan salah satu daripada usaha JPSM dalam mendukung dasar pencegahan rasuah negara untuk memberi kefahaman dan kesedaran mengenai rasuah, menyemai sikap anti rasuah dan mendapatkan sokongan dan komitmen semua warga kerja JPSM dan semua JPN Negeri supaya menolak apa jua bentuk hadiah yang boleh mempengaruhi tugas-tugas rasmi mereka.

Kempen ini merupakan langkah yang amat positif dan menjadi sebahagian daripada manifestasi dan komitmen jabatan ke arah sifar toleransi terhadap amalan rasuah selaras dengan prinsip-prinsip pencegahan rasuah yang termaktub di bawah program Ikrar Integriti Korporat (CIP). Selain daripada itu, kempen ini menjadi pencetus kesedaran kepada syarikat-syarikat pembalakan, pengusaha-pengusaha Industri Beras Kayu dan mana-mana pelanggan yang berurusan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI

Disediakan oleh:
Nor Lokman bin Mohamad Nor@Fakrul
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2014 (Khamis) Bersamaan 6 Muharam 1436 Hijrah - Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama Pengusaha-pengusaha Pembalak dan Pengilang-pengilang Industri Berasas Kayu.

Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sebagai wakil rasmi kepada YB Datuk Seri G.Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Datuk Sri Mohd Sukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mewakili SPRM yang turut bersama KSU NRE sebagai saksi kepada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat antara YBhg. Dato' Sri Dr. Hj Abd Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan YBhg. Datuk Sri Mohd Sukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang hadir pada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat 2014.



▲ YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) (Tengah), YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan YBhg. Datuk Sri Mohd Sukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang hadir pada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat 2014.



◀ Majlis Menandatangani Ikrar integriti Korporat antara YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama Pengusaha Pembalakan sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg. Datuk Sri Mohd Sukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



▲ Antara tetamu yang hadir pada Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 31 Oktober 2014. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) tiga dari kanan, YBhg. Dato' NorAkhiruddin bin Hj Mahmud.



▲ Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri dan pegawai-pegawai Kanan JPSM yang hadir pada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 31 Oktober 2014.



▲ Majlis Menandatangani Ikrar Integriti sedang berlangsung antara Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Pengusaha Pembalakan.

Objektif majlis ini untuk mendapatkan sokongan Pengusaha-pengusaha Pembalak dan Pengilang-pengilang Industri Berasas Kayu dalam usaha jabatan ini untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai kesan-kesan buruk jenayah rasuah, penyelewangan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pelanggan-pelanggan JPSM dan mendapatkan komitmen Pengusaha-pengusaha Pembalak dan Pengilang-pengilang Industri Berasas kayu supaya mengambil inisiatif dalaman bagi membantu dan menyokong Program Transformasi Kerajaan.

Seramai lima (5) Pengusaha Pembalakan dan tiga (3) Pengusaha Industri Berasaskan Kayu telah menandatangani ikrar integriti korporat iaitu Syarikat Sun Hup Fatt Sdn. Bhd. Perak, Usahawan Persatuan Perkayuan Kelantan, Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Sdn. Bhd., Amanah Saham Pahang, Yayasan Pahang. Bagi pengusaha Industri Berasas Kayu terdiri dari Perak Timber Association Perak, Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. dan Pesama Timber Corporation Sdn. Bhd. Terengganu.

Dengan pelaksanaan program ini, pengurusan JPSM menyeru agar pelanggan-pelanggan JPSM untuk melaksanakan kelima-lima prinsip pencegahan rasuah iaitu:

- (1) menggalakkan serta mempromosikan nilai integriti dan tadbir urus yang baik,
- (2) memperkuatkan mekanisme kawalan dalaman,
- (3) mencegah jenayah rasuah, penyelewangan dan penyalahgunaan kuasa,
- (4) mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pencegahan rasuah,
- (5) membanteras sebarang bentuk amalan rasuah dalam syarikat dan menyokong inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan.



SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA TAHUN 2014

Disediakan oleh:
Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



JITRA, 1 November 2014 - Minggu Alam Sekitar Malaysia disambut setiap tahun bagi menyemai dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia. Negeri Kedah sekali lagi telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2014 yang diadakan di Tasik Darulaman, Jitra dengan tema "Ya ! Teruskan Gaya Hidup Lestari".

Perasmian minggu Alam Sekitar Malaysia ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah. Pada sambutan minggu Alam Sekitar ini pelbagai aktiviti telah disediakan antaranya pertandingan fotografi, pertandingan mewarna, pertandingan memancing, enviro-walk, karaoke, debat alam sekitar, pameran dan cabutan pengunjung bertuah.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga tidak ketinggalan turut serta dalam program tersebut dengan mempromosi dan mengedarkan *brochure* hutan-hutan lipur yang terdapat di Negeri Kedah dan Taman Rimba Eko-Park, Bukit Nenas, Kuala Lumpur kepada orang ramai yang berkunjung ke booth pameran.

Antara Jabatan dan Agensi lain yang turut serta adalah seperti JUPEM, FRIM, NAHRIM, INSTUN, JAS, PERHILITAN, Environment Idaman, Bank Rakyat Cawangan Jitra dan UiTM.

BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI PEJABAT

Disediakan oleh:
Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

BANGI, 3 November 2014 - Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Pejabat pada 3 hingga 4 November 2014 bagi sesi pertama manakala pada 5 hingga 6 November 2014 berlangsung sesi kedua yang bertempat di bilik Mutiara, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor. Objektif utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan pemahaman berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan dan mereka yang bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Fasilitator untuk bengkel ini adalah pihak *National Institute of Occupational Safety And Health* (NIOSH) diwakili oleh Encik Hari Krisnan dan Puan Siti Nurani binti Hj Hassan. Sejumlah 24 orang peserta terlibat bagi sesi pertama dan 14 orang peserta bagi sesi kedua. Peserta bengkel ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Secara keseluruhannya, tujuan bengkel ini diadakan bertujuan untuk membantu pegawai dan kakitangan IPJPSM untuk menyelesaikan masalah berkenaan isu-isu berbangkit berkenaan KKP dan menyalurkan maklumat-maklumat terbaru berkenaan KKP kepada kakitangan IPJPSM.



BENGKEL PEMAHAMAN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

Disediakan oleh: Mohd Zulhimi bin Mohd Radzi Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan (BPP), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Bengkel Pemahaman Akta Perhutanan Negara 1984 pada 3-6 November 2015 di Hotel Seri Malaysia, Ipoh Perak. Bengkel ini dikhaskan kepada pegawai berpakaian seragam dari Gred G11 hingga G26 bagi:-

- memberi pemahaman kepada Pegawai-Pegawai Berpakaian Seragam mengenai kuasa-kuasa Pegawai Hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984;
- memberi panduan dan pendedahan kepada Pegawai-Pegawai Berpakaian Seragam mengenai tatacara melakukan serbuan, penggeledahan, tangkapan, pengendalian orang kena tangkap, pengendalian benda-benda yang disita, tatacara membuat laporan polis dan mengambil lain-lain tindakan mengikut undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan *Standard Operation Procedure (SOP)*, Pekeliling dan lain-lain tatacara yang berkuat kuasa bagi memudahkan proses pendakwaan di mahkamah;
- meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu; dan
- meningkatkan keyakinan Pegawai-Pegawai Berpakaian Seragam di dalam pengendalian kes-kes kesalahan hutan.



Bengkel Pemahaman Akta Perhutanan Negara 1984
3 Hingga 6 Nov 2014.
Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Penganjuran Bengkel ini sedikit sebanyak telah membantu menyempurnakan tanggungjawab Jabatan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang hutan yang mantap di lapangan. Kehadiran peserta ke Bengkel adalah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 50 orang. Terdapat permintaan dari beberapa negeri untuk menambah kuota tetapi terpaksa ditolak oleh Bahagian Perundangan Dan Pendakwaan keranakekangan dari sudut peruntukan yang terhad.

Ceramah-ceramah disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Perundangan Dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan pegawai-pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Perak. Latihan Amali selama satu hari telah diadakan di Kompartmen 139 Hutan Simpanan Kekal Bukit Kinta, Daerah Hutan Batu Gajah, Perak dan dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai polis dari IPK Negeri Perak. Latihan Amali ini diadakan atas permintaan BPP sendiri dengan penekanan diberikan dalam aspek serbuan dan tangkapan yang dirancang untuk dilaksanakan di lapangan. Ia merupakan satu pendedahan yang sangat berguna kepada pegawai Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri.

BPP selanjutnya mengharapkan Bengkel seumpama ini turut diadakan oleh Jabatan-Perhutanan Negeri supaya pegawai-pegawai Negeri dapat didedahkan dengan aspek penguatkuasaan yang lebih berkesan demi untuk meningkatkan imej Jabatan sebagai agensi penguatkuasaan yang terunggul bagi membendung kes kesalahan hutan.



AUDIT MC&I (HUTAN ASLI) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.



Disediakan oleh:
Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

ALOR SETAR 3 November 2014,
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah akan menjalankan Audit MC&I (Hutan Asli). Audit ini adalah dijalankan secara tahunan. Tujuan utama Audit MC&I (Hutan Asli) ini dijalankan adalah untuk memastikan pematuhan terhadap semua kriteria yang telah ditetapkan. Wakil pengauditan daripada SIRIM QAS International adalah En. Khairul Najwan bin Ahmad Johari, Profesor Mohd Basri bin Hamzah dan Mohd Rezuan bin Salim. Audit MC&I (Hutan Asli)

pada kali ini turut dihadiri oleh wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu En. Othman bin Deris, En. Muhammad Omar bin Abdullah dan Renjer Hutan Kamal Kusyairi bin Abd Ghani. Audit MC&I (Hutan Asli) akan merangkumi semua kawasan hutan yang diuruskan melalui Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Negeri Kedah yang terbahagi kepada tiga Daerah Hutan iaitu Daerah Hutan Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan.



LAWATAN KE PERPUSTAKAAN NEGARA SEMPENA MESYUARAT JAWATANKUASA PERPUSTAKAAN BILANGAN 2 TAHUN 2014

Disediakan oleh: **Zuraida Binti Mohd Aziz**
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



▲ YBhg. Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), Puan Hajah Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Perpustakaan bergambar sebagai kenangan.



▲ YBhg. Dato' TKP (OT) mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Hajah Nafisah binti Ahmad.



▲ Ruang pameran manuskrip asal Tanah Melayu.



▲ Kaedah penjilidan semula buku dan dokumen dilakukan dengan teliti oleh kakitangan PNM.



KUALA LUMPUR, 5 November 2014 - Program lawatan ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan Bilangan 2 tahun 2014. Objektif program ini bertujuan untuk pengalaman dan pengetahuan tentang pengurusan dan pentadbiran Perpustakaan. YBhg. Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) juga turut mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Hajah Nafisah binti Ahmad.

KEJOHANAN BOWLING TERTUTUP IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2014

▼ Antara sebilangan peserta yang mengambil bahagian.



Kejohanan Bowling Tertutup Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia 2014 telah berlangsung dengan jayanya pada **16 November 2014** bertempat di Ampang Superbowl, IOI Mall, Puchong yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin B. Mahmud, Presiden Kelab Bowling Perhutanan Malaysia (KBPM).

Kejohanan yang dianjurkan bersama Kelab Bowling Perhutanan Malaysia (KBPM) dan Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan Wilayah Persekutuan (PKSIP) merupakan acara tahunan yang diadakan di peringkat Ibu

Keputusan rasmi Kejohanan Bowling Tertutup Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia 2014.

I. Kategori Individu VIP Lelaki

Ranking	Nama	Bahagian
1	EN. AZHAR BIN AHMAD	
2	YBHG. DATO' HJ. NOR AKHIRRUDDIN BIN MAHMUD	
3	EN. KOH HOCK LYE	
4	EN. RIZAL B. SABRAN	

II. Kategori Lelaki Terbuka

Ranking	Nama	Bahagian
1	Foong Lai Hoy	BPK
2	Mohd Salleh bin Nordin	BPK
3	Md. Zaidey bin Abdul Kadir	BSB
4	Muhamat Azman bin Yahya	BUH
5	Ismail bin Zakaria	BLH
6	Ameyrullah bin Arshad	BTK
7	Haffiz bin Baharuddin	BUH
8	Shahlan bin Md Nor	BTK
9	Tn. Hj. Roslan bin Rani	BLH
10	Azmi bin Masro	BPK

Pejabat Perhutanan bagi merebut hadiah utama iaitu Piala Pusingan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Seramai 54 peserta mengambil bahagian dalam perlawanan ini dengan menyaksikan sembilan (9) Bahagian berentap untuk mengungguli lima (5) kategori utama yang dipertandingkan iaitu, Individu Lelaki Terbuka, Individu Wanita Terbuka, *high game* (lelaki & Wanita), Individu Lelaki VIP dan Pasukan Terbaik yang sekali gus membawa pulang Piala Pusingan KPPSM. Pasukan Bahagian Khidmat Pengurusan telah berjaya membawa pulang Piala Pusingan KPPSM bagi tahun 2014.

III. Kategori Wanita Terbuka

Ranking	Nama	Bahagian
1	Norhafiza binti Sarif	BKP
2	Wan Norakma binti Wan Yusoff	BLH
3	Khairunnisa binti M. Mamat	BLH
4	Fazihana binti Wahid	BKP
5	Nurafzan binti Anuar	BSB
6	Norisah binti Md Dan	BKP
7	Norziatal Shima binti Mohd Sarit	BUH
8	Mary Anak Stephen	BKP
9	Norfarahida binti Mahfar	BKP
10	Norbi binti Ramli	BKP

IV. Kategori Pasukan Terbaik

Ranking	Bahagian
1	KHIDMAT PENGURUSAN
2	LADANG HUTAN & PERLINDUNGAN HUTAN
3	SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN
4	PENGURUSAN HUTAN
5	INDUSTRI DAN TEKNOLOGI KAYU

V. Kategori High game

KATEGORI	NAMA	MATA
Individu VIP Lelaki	Azhar Ahmad	208
Individu Lelaki Terbuka	Foong Lai Hoy	223
Individu Wanita Terbuka	Khairunnisa binti M. Mamat	179

Disediakan oleh: **Muhammad Ezhar Yusuf**
Jawatankuasa Kecil Latihan & Pertandingan
Kelab Bowling Perhutanan Malaysia (KBPM)



▲ Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Kerjasama JPSM-ARSM Bil. 2/2014.

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKL PROJEK KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) DAN AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM) BIL. 2/2014

Disediakan oleh: Mohd Basri bin Mahidin @ Mohideen
Bahagian Pengurusan Maklumat, IPJPSM

SUNGAI MENYALA, 17 November 2015 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Kerjasama JPSM-ARSM Bil. 2/2014 telah diadakan di Pusat Pendidikan Pelancongan (Eco-Edutourism) Pengurusan Hutan Tropika, Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 17 November 2014. Mesyuarat kali ini diurussetiakan oleh JPSM. Tujuan mesyuarat ini adalah memantau perkembangan projek-projek kerjasama yang telah dipersestujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek JPSM-ARSM Bil. 1/2013 yang lalu.

Satu lawatan di sekitar kawasan pusat tersebut diketuai oleh Tuan Haji Samsudin bin Salleh, Pengarah Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri telah diadakan. Penerangan berkenaan spesis dan kegunaan pokok-pokok herba dan pokok dipterokarp yang terdapat di sekitar denai interpretasi hutan telah disampaikan kepada ahli mesyuarat.

Sejurus selepas sesi lawatan, mesyuarat ini bermula dan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal) JPSM iaitu YBhg. Dato' Nik Mohamad Shah bin Nik Mustafa dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) ARSM iaitu Encik Adnan bin Ismail. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pengarah-pengarah bahagian dan pegawai kanan yang terlibat dalam projek kerjasama ini.

KURSUS PEMANTAPAN URUSAN SUMBER MANUSIA (PENGURUSAN KERTAS PERSARAAN) DI ANTARA IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (IPJPSM) DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI (JPN)

Disediakan oleh:
Suhana Binti Suhaimi
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



▲ Penyampaian cenderahati oleh YBhg. Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa TKP (OT) kepada penceramah jemputan.



▲ Para peserta kursus sedang mendengar taklimat yang disampaikan.

GENTING HIGHLANDS, 18 November 2014 - Kursus Pemantapan Urusan Sumber Manusia (Pengurusan Kertas Persaraan) Di Antara Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) telah berjaya dilaksanakan pada 18 hingga 20 November 2014 bertempat di Genting View Apartment, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada kalangan pengurus

sumber manusia di semua Jabatan Perhutanan Negeri. Antara objektif kursus adalah untuk memberi kefahaman dan pengalaman dalam menguruskan kertas persaraan selaras dengan Skim Perkhidmatan yang berkuat kuasa sebelum Skim Saran Malaysia, menyelaraskan segala urusan dan isu berbangkit berkaitan dengan penyediaan kertas persaraan; dan memantapkan lagi pengetahuan mengenai urusan persaraan penjawat awam.

BENGKEL ETIKET, PROTOKOL DAN PENGURUSAN ACARA UNTUK JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA.

Disediakan oleh: Harry Yong
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 18 November 2014 - Bengkel Etiket, Protokol dan Pengurusan Acara untuk Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (*Workshop on Etiquette, Protocol and Event Management for Forestry Department Peninsular Malaysia*) anjuran bersama Bahagian Latihan Perhutanan dan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2014 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR). Seramai 30 orang pegawai IPJPSM dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menyertai kursus ni. Penceramah bagi bengkel ini terdiri daripada pegawai-pegawai berpengalaman daripada IDFR dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

- i. Sesi pertama iaitu Ceramah yang merangkumi topik berkaitan *International and ASEAN Protocol, Event Management, The Roles and Functions of Floor Manager, Liaison Officers, Usherettes and Protocol Officers* dan *Roles and Functions of Rapporteurs*.



▲ Para peserta bengkel bergambar dengan Ketua Pengarah IDFR dan pegawainya.

- ii. Sesi kedua iaitu Simulasi Makan Beradab merangkumi *Fine Dining Theory* dan *Practicum*.



▲ Para peserta memberikan perhatian ke atas taklimat berkaitan makan beradab.



▲ Taklimat semasa walkabout di KLIA.

- iii. Sesi ketiga iaitu *Study Visit* dan *Walkabout* ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan *Walkabout* ke Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur.

Penganjuran bengkel ini dilihat bertepatan pada masanya kerana segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa bengkel ini telah dapat dipraktikkan semasa Malaysia menjadi tuan rumah kepada Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE) dan Annual Exchange Visits (AEV) yang mana Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dilantik mengetuai Jawatankuasa Kerja Kecil Sambutan dan Protokol.



PERAK CONFERENCE ON A CENTURY OF MATANG MANGROVE FOREST MANAGEMENT: THE HARNESSING TRANSFORMATION IDEAS

IPOH, 22 November 2014 – Kerajaan Negeri Perak melalui usaha Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah menganjurkan persidangan *Perak Conference on a Century of Matang Mangrove Forest Management: The Harnessing Transformation Ideas* yang bertempat di Casuarina @ Meru Hotel, Ipoh, Perak. Persidangan ini telah berlangsung selama tiga (3) hari iaitu bermula pada 24 hingga 26 November 2014 dan telah dirasmikan oleh YAB Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5. Seramai 300 orang peserta dari agensi kerajaan, agensi swasta dan delegasi antarabangsa telah menghadiri persidangan tersebut sebagai tanda sokongan kepada Kerajaan Negeri Perak khususnya kepada JPNPK yang menjadi agensi terunggul dalam Sistem Pengurusan Hutan Paya Bakau terbaik di Malaysia. Objektif persidangan diadakan adalah untuk mewar-warkan usaha JPNPK dalam pembangunan, pemuliharaan dan pengurusan Hutan Paya Bakau. Ia juga diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih meluas kepada pelbagai pihak yang berkepentingan terhadap inisiatif pengurusan kawasan Hutan Paya Bakau terutamanya di Perak.

Pada hari pertama persidangan, sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:-

- I. “Commercial and Non-Commercial Exploitation of The Mangrove Resources: A Case Exemplifying Matang Mangrove Forest Reserve and Its Silvicultural Management”, oleh Profesor Madya Sulong Ibrahim, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- II. “Cetacean Research and a Precautionary Approach in Developing Dolphin-Watching Tourism in The Coastal Waters of The Matang Mangroves”, oleh Cik Kuit Sui Hyang (Vivian), Universiti Malaya (UM).
- III. “The Epiphytes, Mistletoes and Climbers of Mangrove Forests”, oleh Dr. Jean W. H. Yong (John), Singapore University of Design and Technology
- IV. “A Preliminary Record of The Ecological Attributes of The Congregating Fireflies, Pteroptyx Tener (Coleoptera: Lampyridae) in Sepetang River, Perak”, oleh Cik Veronica, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
- V. “Matang Mangroves through the Passage of Time”, oleh Dato’ Shahrudin bin Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pada sebelah malamnya pula, majlis diteruskan lagi dengan jamuan makan malam yang turut dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat, peserta-peserta persidangan serta kakitangan JPNPK. YB Dato’ Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan turut sudi meluangkan masa dan memberi ucapan tama pada malam

Disediakan oleh: Nur A'in Binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

tersebut. Pada hari kedua pula merupakan sesi lawatan ke Hutan Paya Bakau Matang di Kuala Sepetang, Taiping, Perak. Seramai 100 peserta telah mengikuti lawatan tersebut. Antara tempat yang telah dilawati adalah Pusat Eko-Pelajaran Kuala Sepetang dan Kilang Penghasilan Kayu Arang. Menerusi lawatan ini juga, peserta berpeluang melihat dengan lebih dekat kehadiran ikan lumba-lumba dan kelip-kelip di Pusat Eko-Pelajaran. Turut dilancarkan adalah program “5 Million Trees” yang mana pokok spesies bakau telah ditanam sebagai simbolik majlis pelancaran oleh YAB Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Persidangan diteruskan lagi pada hari ketiga dan sebanyak sembilan (9) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:-

- I. “The Application of Remote Sensing to Better Manage Matang Mangrove Forest”, oleh Dr. Kamal Azidy bin Musa dari Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM).
- II. “Is Matang Mangrove Forest in Malaysia Sustainably Rejuvenating After More Than a Century of Conservation and Harvesting Management?”. oleh Dr. Behara Satyanarayana dari Universiti Lebre de Bruxelles, Belgium.
- III. “Archaeological Discoveries of 200bc Coastal Settlement in Pulau Kelumpang, Matang, Perak” oleh Prof Emeritus Dato’ Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- IV. “Comparing The Malaysian and Australian Governance Frameworks on Mangrove Biodiversity Management: A Way Forward For Malaysia?” oleh Prof Madya Dr. Wan Izatul Asma Wan Taalat, dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- V. “Stakeholder Participations in Managing and Conservation of Mangrove Forests in Sarawak” oleh Hamden M. dan Abang Ahmad A.M., dari Jabatan Hutan Sarawak.
- VI. “Valuing Tangible Forest Products in Matang Mangrove Forest, Perak” oleh Prof. Madya Dr. Zaiton bin Samdin, dari Institute of Tropical Forestry and Forest Products (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- VII. “A Socio-Ecological Assessment and Stakeholder Analysis of Charcoal Production and Trade in Matang Mangrove Forest Reserve, Peninsular Malaysia” oleh Cik Melissa Quispe Zuniga, dari Universiti Lebre De Bruxelles, Belgium.
- VIII. “Community Participation: What We Have Learned From Our Mangrove Projects” oleh Prof. Dr. Shigeyuki Baba, dari International Society for Mangrove Ecosystems, Jepun.



IX. “A Century of Management and New Challenges in the Management of The Matang Mangroves”, oleh Dr. Hizamri bin Mohd Yasin, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK).

Selain itu, turut diadakan pameran yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan NGO lain seperti JPNPK, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan PERHILITAN, Sahabat Bakau dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



▲ Ketibaan Y.A.B. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ke Majlis Pelancaran Perak Conference on a Century of Matang Mangrove Forest Management: The Harnessing Transformation Ideas.



▲ Antara tetamu kehormat yang telah hadir.



▲ Ucapan aluan disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman bin Abdul Rahim.




▲ Sidang kemuncak adalah pelancaran Perak Conference on a Century of Matang Mangrove Forest Management: The Harnessing Transformation Ideas yang telah disempurnakan oleh Y.A.B. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.



▲ Majlis penyerahan cenderahati kepada Y.A.B. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.



▲ Y.A.B. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi bersama isteri, Y.A.B. Tun Jeanne binti Abdullah turut meluangkan masa melawat ke tapak pameran.



▲ Y.A.B. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menandatangani buku pelawat di tapak pameran JPNPK.



▲ Sesi pembentangan kertas kerja sedang berlangsung.



▲ Salah seorang pembentang kertas kerja, Profesor Madya Sulong Ibrahim, dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



▲ YB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir, Menteri Besar Negeri Perak memberi ucaptama pada majlis makan malam.



▲ Lawatan ke Kilang Pemprosesan Kayu Arang.



KURSUS TATACARA DAN ETIKA PENGGUNAAN E-MEL

Disediakan oleh: Khairul Amir B. Mohammad
Bahagian Pengurusan maklumat, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 27 November 2014

– Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Kursus Tatacara Dan Etika Penggunaan E-mel pada 27 November 2014 yang lalu. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dengan kerjasama Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia. Kursus ini dihadiri oleh kakitangan di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam aspek-aspek keselamatan ICT dan meningkatkan tahap keselamatan tatacara penggunaan E-mel bagi pegawai-pegawai di Ibu Pejabat.

Para peserta berpendapat kursus ini amat menarik, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Kursus yang diikuti ini amat mudah difahami, berguna dan berkaitan dengan tugas praktikal untuk dilaksanakan serta dapat menambah ilmu & pengetahuan yang sedia ada.



KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS DAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu



KEPONG, 2 Disember 2014 - Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) pada 2 Disember 2014 bertempat di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor. Sejumlah 20 orang peserta terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai bengkel ini.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang prinsip asas pertolongan cemas, memberi kesedaran tentang kepentingan tindakan awal/segera yang tepat bagi membantu menyelamatkan mangsa, memberi pendedahan (*hands-on*) dalam usaha memberi bantuan kecemasan serta meningkatkan keyakinan peserta untuk memberi bantuan sekiranya berlaku sebarang kecemasan di mana saja.

Fasilitator untuk bengkel ini adalah pihak Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (*Malaysian Red Crescent Society*) diwakili oleh Encik Kulwant Singh.

Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini adalah untuk melatih seramai mungkin warga IPJPSM dan JPN dalam teknik-teknik terkini dan berkesan dalam memberi pertolongan cemas secara efektif.



PROGRAM SAYANGI ALAM SEKITAR ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR DENGAN KERJASAMA PUSPANITA NEGERI SELANGOR, KOPERASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR DAN DOLOMITE CORPORATION SDN. BHD.

Disediakan oleh: Nor Wahidah Binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



▲ Acara menanam pokok oleh YBhg. Datin Hajah Rahimah binti Abd Razak, Timbalan Pengurus PUSPANITA Negeri Selangor.

RAWANG, 27 NOVEMBER 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Selangor, Koperasi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Syarikat Dolomite Corporation Sdn. Bhd. telah berjaya mengadakan Program Sayangi Alam Sekitar bertempat di Hutan Simpan Templer (bersebelahan kawasan perumahan Dolomite Templer).

Program yang julung-julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Hajah Rahimah binti Abd. Razak, Timbalan Pengurus PUSPANITA Negeri Selangor. Program ini telah disertai 100 orang ahli PUSPANITA Negeri Selangor, PUSPANITA JPNS, pegawai dan kakitangan JPNS serta wakil-wakil syarikat Dolomite Corporation Sdn. Bhd.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama di kalangan agensi Kerajaan dengan NGO dan syarikat swasta bagi memelihara kehijauan bumi dan kelestarian alam sekitar. Selain itu, program seperti ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pentingnya hutan sebagai pembekal utama sumber oksigen kepada kehidupan.

Sebanyak 200 anak pokok yang terdiri daripada 10 spesies seperti Beruas, Kelumpang, Sentang, Keruing gombang, Melembu, Merawan, Rambai, Jambu bol, Ara waringin dan Kelat paya telah berjaya ditanam oleh seramai 100 orang peserta program. Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.



▲ Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Dr. Mohd Puat bin Dahalan menyampaikan ucapan alu-aluan.



▲ Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datin Hajah Rahimah binti Abd Razak, Timbalan Pengurus PUSPANITA Negeri Selangor.



▲ Sesi bergambar oleh para peserta program Sayangi Alam Sekitar.



KUNJUNGAN HORMAT PENOLONG PEMELIHARA HUTAN, PEJABAT HUTAN LANGKAWI BERSAMA KETUA EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

Disediakan oleh: Mohd Saman bin Mohd Sanget
Penolong Pemelihara Hutan, Pejabat Hutan Langkawi



LANGKAWI, 3 Disember 2014 -
Penolong Pemelihara Hutan, Pejabat Hutan Langkawi telah mengadakan kunjungan hormat bersama YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli, Pengurus Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi, LADA pada hari ini. Melalui kunjungan hormat selama hampir satu jam setengah ini, Penolong Pemelihara

Hutan dalam misi memperkenalkan diri sebagai Ketua Pejabat baharu di Pejabat Hutan Langkawi setelah diarahkan YM Pengarah Perhutanan Negeri Kedah untuk mengetuai Pejabat Hutan Langkawi secara pentadbiran.

Selain itu, melalui semangat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan YAB Perdana Menteri Malaysia, adalah perlu untuk Jabatan Perhutanan Negeri Kedah khususnya Pejabat Hutan Langkawi membina jaringan kerjasama antara agensi untuk pelbagai aktiviti termasuk program kemasyarakatan, penguatkuasaan, dan sebagainya. Pejabat Hutan Langkawi juga melalui kunjungan hormat ini telah mengutarakan pelbagai cadangan baharu untuk tujuan permohonan bajet untuk 'Pelancongan Hutan' agar

mendapat sentuhan pelancongan dan kewangan dari LADA dalam memastikan sumber hutan di Daerah Langkawi dapat dioptimakan fungsinya dan memberikan sumber pendapatan baharu kepada Kerajaan Negeri Kedah melalui kutipan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal dan permit penggunaan tanpa menjelaskan fizikal termasuk flora dan fauna di dalamnya. Cadangan kerjasama dari aspek pembinaan sahsiah antara Pegawai Beruniform Pejabat Hutan Langkawi dan Renjer LADA juga telah dicadangkan melalui satu sesi dialog dan program latihan yang akan dihoskan oleh LADA pada tahun 2015 nanti. Satu sesi pembentangan cadangan projek 'Pelancongan Hutan' kepada LADA akan dibuat pada Januari 2015 nanti.

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-34 TAHUN 2014

Disediakan oleh: Siti Khatijah Binti Othman
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

PORT DICKSON, 2-4 Disember 2014

- Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-34 Tahun 2014 telah diadakan di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 2 hingga 4 Disember 2014. Majlis Perasmian Persidangan ini telah disempurnakan oleh YAB. Datuk Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 2 Disember 2014.

Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia adalah aktiviti tahunan (*annual event*) yang menghimpunkan semua Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah Bahagian/Unit dari

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk membincang, meneliti dan membuat keputusan dalam pelbagai isu, cabaran dan masalah yang dihadapi sama ada perkara tersebut berbentuk dasar, teknikal maupun pentadbiran bagi membolehkan tindakan penambahbaikan diambil dengan sewajarnya ke arah memperkasakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan.

Persidangan pada kali ini melibatkan pembentangan sebelas (11) kertas kerja dan fokus perbincangan meliputi pelbagai bidang berkaitan sumber dan perkhidmatan hutan, dan tidak terhad kepada pengeluaran kayu

kayu semata-mata. Selain daripada itu, satu lawatan kerja (bermalam dan berkhemah) di Taman Alam Liar Negeri (TALN), Lembah Jemaloi, Negeri Sembilan dan juga lawatan ke Petak Taungya, Petak Pelbagai Meranti, Jati dan Kapur di Hutan Simpan Kenaboi, Negeri Sembilan telah diadakan pada 4-5 Disember 2014.

Secara keseluruhannya, perjalanan persidangan ini adalah menepati TOR Persidangan yang telah persetujui. Keputusan-keputusan yang telah dibuat adalah jelas berhubung pihak yang perlu mengambil tindakan dan berbentuk '*action oriented*'.



▲ Ahli-ahli Persidangan sedang bersidang.



▲ YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hj. Abd Rahim (Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia) mempengerusikan persidangan.



LATIHAN KEMAHIRAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG



▲ Acara menembak secara berpasukan dan individu.

KUANTAN, 4 Disember 2014 – Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mengadakan Kursus Latihan Kemahiran Menembak bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertempat di Lapang Sasar Kem Bukit Galing Pasukan Gerakan Am.

Program yang diurussetiakan bersama Polis DiRaja Malaysia telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan II), Tuan Haji Azmeer bin Mohamad. Program ini telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan JPNP seramai 80 orang termasuk Pengawas Hutan dan Renjer Hutan. Aktiviti yang dianjurkan antaranya acara persorangan dan acara berpasukan. Program telah bermula pada jam 8.00 pagi ini telah berakhir pada jam 4.00 petang.



▲ Penerangan berkaitan dengan cara penggunaan senjata api yang disampaikan oleh wakil Pegawai PDRM.



▲ Majlis Perasmian Bengkel telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa, TKP (OT)

BENGKEL PENGGUBALAN SOALAN PEPERIKSAAN JPSM 2014

Disediakan oleh:
Ruhasmizan binti Mat Zain
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

MELAKA, 8 Disember 2014 – Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan JPSM telah diadakan di Hotel Orkid, Melaka pada 8-12 Disember 2014. Seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan telah mengikuti bengkel ini dengan jayanya. Bengkel ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta dalam menyedia dan menggubal soalan serta skema jawapan mengikut kaedah dan teknik yang betul. Taklimat ini telah disampaikan oleh penceramah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Selain mendengar taklimat, peserta bengkel turut terlibat dalam sesi perbincangan kumpulan bagi menghasilkan soalan dan skema jawapan yang mantap serta berkualiti bagi menguji tahap kompetensi dan pengetahuan pegawai-pegawai baharu yang dilantik oleh Jabatan untuk tujuan pengesahan jawatan.



▲ Ceramah telah disampaikan oleh Puan Kintan Nazura binti Mohamed Yusoff dari JPA.



PROGRAM KEMEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DI PESISIR PANTAI NEGARA TAHUN 2014 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG BERSAMA PUSPANITA JPN PULAU PINANG DAN PESERTA KEM PATRIOTIK DEMI NEGARA JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL DAERAH SEBERANG PRAI TENGAH (SPT)

Disediakan oleh: Mis Maizura Binti Amat Kaulan
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

BALIK PULAU, 13

Disember 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Kempen Kesedaran Penanaman Pokok Bakau Di Pesisir Pantai Negara Tahun 2014 bersama ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Peserta Kem Patriotik Demi Negara Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Seramai 200 orang termasuk kakitangan JPN Pulau Pinang, ahli PUSPANITA JPN Pulau Pinang, peserta Kem Patriotik Demi Negara, pegawai Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Daerah SPT, Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) dan penduduk Kampung Sungai Burong telah mengambil bahagian dalam kempen kesedaran tersebut. Tema pada kali ini adalah "Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Pesisir Pantai Untuk Kesejahteraan Masyarakat".



Program dimulakan dengan acara Senam Seni Perpaduan dan seterusnya ucapan perasmian oleh Tuan Haji Roslee Bin Jamaludin Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Sijil penghargaan telah diserahkan kepada Pengerusi PUSPANITA Puan Hajah Norlela binti Nordin dan Encik Othman bin Saad Pegawai Perpaduan Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Sebanyak 1,500 pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam sempena program tersebut. Jabatan Perhutanan Negeri

Pulau Pinang juga menyediakan ruang pameran bagi menyampaikan maklumat berkaitan perhutanan kepada semua jemputan dan peserta program.

Program kempen kesedaran ini telah memberi peluang kepada semua jemputan dan peserta untuk merasai sendiri pengalaman menanam pokok Bakau dan seterusnya meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hutan paya bakau kepada masyarakat setempat dan alam sekitar.



MAJLIS SAMBUTAN HARI ANTI-RASUAH ANTARABANGSA PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA

Disediakan oleh: Zainuddin bin Jamaluddin
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM



▲ YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj Abd Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang menyampaikan ucapan pada Majlis Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014.



▲ Pelancaran Talian Online Aduan Integriti JPSM oleh YBhg. Dato' Hj. Mohamad Yusoff bin Akope bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) turut serta dalam pelancaran tersebut YBhg Dato' Mohd Ali Bin Mohamad Nor, Timbalan KSU 1, NRE.

KUALA LUMPUR, 16 Disember 2014 - Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menyambut Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat JPSM 2014. Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut diseluruh dunia ini adalah program antarabangsa yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam akan bahaya jenayah rasuah kepada bangsa dan Negara. Tema sambutan adalah *Break The Corruption Chain* bermaksud mematahkan rantaian rasuah.

Objektif utama sambutan ini untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai Rasuah, meningkatkan kesedaran Anti Rasuah di kalangan warga kerja Perhutanan dan meraih sokongan seluruh warga Perhutanan dan masyarakat supaya menyokong usaha-usaha pencegahan rasuah, mematahkan rantaian rasuah dan memantapkan lagi Integriti dalam penjagaan Alam Sekitar. Antara pengisian majlis adalah seperti berikut:

i. **Majlis Forum Integriti dan Alam Sekitar** telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama YBrs. Ustaz Dr. Fauzi bin Zakaria, Yang DiPertua Persatuan Ulama' Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

ii. **Pelancaran Talian Online Aduan Integriti JPSM** oleh YBhg Dato' Hj. Mohamad Yusoff bin Akope mewakili YBhg. Tan Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Turut hadir dalam majlis ini, YBhg Dato' Dr. Mohd Ali Bin Mohamad Nor, Timbalan KSU 1, NRE.

iii. **Ceramah Khas Rasuah dari Prespektif Agama** telah disampaikan oleh YBrs. Us. Prof. Madya Dr. Saupi bin Man, Assistant Professor Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge And Human Science, Universiti Islam Antarabangsa.

Majlis sambutan yang mencecah kehadiran 300 orang yang terdiri daripada pegawai dan anggota beruniform di seluruh Semenanjung ini merupakan sambutan ulung-ulung kali dalam lipatan sejarah Jabatan Perhutanan Negara. Ia juga menjadi satu wadah kepada warga kerja jabatan perhutanan agar membantu merealisasikan visi menjadikan JPSM sebagai Agensi yang Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika yang Mapan Menjelang tahun 2020.

PROGRAM PENANAMAN BAKAU BERSAMA KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH DAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH SERTA KELUARGA

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah




YAN, 20 DISEMBER 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah menganjurkan satu program penanaman bakau bersama kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Puspanita JPN Kedah serta keluarga pada 20 Disember yang lalu di persisiran pantai Kampung Kuala Sala.

Sebanyak 200 anak pokok Bakau telah ditanam di kawasan persisiran pantai tersebut. Program yang bermula pada 8.00 pagi itu berjalan lancar dengan keadaan cuaca yang sangat baik. Ahli keluarga dan kakitangan pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang belum merasai aktiviti penanaman pokok bakau amat teruja melakukan aktiviti tersebut tanpa mengira keadaan selut tanah yang agak dalam.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah serta isteri selaku Pengurus Puspanita Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga turut serta mengharung selut untuk sama-sama menanam pokok bakau.

Penanaman pokok bakau tersebut telah dijalankan secara berperingkat hingga ke sempadan negeri Perlis sejak beberapa tahun dahulu.





www.forestry.gov.my

**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA**

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2616 4488 Fax: (6)03-2692 5657
<http://www.forestry.gov.my>